

**PUSAT SUMBER
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000011199

iv

**FAKTOR PERMASALAHAN PENGELOMPOKAN INDUSTRI KECIL
DAN SEDERHANA DI TAMAN IKS KEDA, NAPOH, JITRA.**

SITI HAJAR BINTI MOHD ISA

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2010

ABSTRAK

Peranan industri kecil dan sederhana (IKS) sering diperkatakan sebagai salah satu ejen pembangunan ekonomi negara dan menjadi semakin penting dalam mencapai wawasan 2020 untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara perindustrian dengan menjadikan IKS sebagai asas, tulang belakang dan pendokong dalam memenuhi hasrat dan cita-cita wawasan pembangunan ekonomi negara selepas 2020. Salah satu usaha yang telah dilakukan di Negeri Kedah oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah Program Pembangunan Usahawan IKS KEDA dimana Pusat Pembangunan Usahawan telah ditubuhkan. Fokus utama program ini adalah untuk menggalakkan dan membantu pembangunan IKS melalui Taman IKS yang bersepadu di Wilayah KEDA. Kawasan kajian yang dipilih untuk menjalankan kajian ini ialah Taman IKS KEDA terletak di Pekan Napoh dan melibatkan 16 orang pengusaha IKS yang masih lagi menjalankan perusahaan di kawasan tersebut. Hasil analisis menunjukkan pengusaha di kawasan kajian menghadapi masalah dalam menjalankan perusahaan mereka. Antara masalah utama yang timbul adalah masalah kemudahan infrastuktur dan utiliti yang lemah serta perlu ditangani dengan segera. Selain itu, kualiti barangan yang dihasilkan tidak mampu memenuhi permintaan pelanggan menyebabkan pengusaha terpaksa menanggung kerugian ke atas barangan yang telah dikeluarkan tetapi tidak berjaya dipasarkan. Walau bagaimanapun, konsep pengelompokan Taman IKS ini telah berjaya meningkatkan pendapatan pengusaha walaupun ia tidak mampu untuk mengatasi masalah yang berlaku dalam IKS seperti masalah pasaran, modal, peralatan dan sebagainya. Oleh itu, beberapa cadangan berbentuk strategi pembangunan terutamanya kepada pihak yang terlibat dalam membangunkan industri kecil dan sederhana di luar bandar dilaksanakan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar. Selain itu, cadangan lain seperti meningkatkan kemudahan infrastuktur dan utiliti sedia ada, memantapkan lagi pengurusan oleh pihak KEDA, memperkenalkan Skim Promosi Pasaran dan Pinjaman IKS serta memberikan latihan kepada pekerja diperlukan untuk meningkatkan IKS luar bandar. Kajian yang dijalankan ini, diharap akan dapat membantu pihak yang-pihak yang terlibat terutamanya pihak KEDA dalam mewujudkan konsep pengelompokan Taman Industri Kecil Sederhana luar bandar yang lebih menarik dan berupaya untuk meningkatkan pembangunan luar bandar.

ABSTRACT

The role of small and medium industries (SMI) are often known as one of the agents of country's economic development and have become increasingly important to achieve Vision 2020; making this country as an industrial country with the SMEs as a base, spine and collaborators in meeting the aspirations, ambitions, and vision of the economic development after 2020. One of the efforts made by Kedah Regional Development Authority (KEDA) under the Ministry of Rural and Regional Development is SME KEDA Entrepreneur Development Program where Entrepreneur Development Centre has been established. The main focus of this program is to encourage and assist the development of SMEs through integrating the SMI Park in KEDA Territory. The selected study areas to conduct this study is KEDA SMI Park located in Napoh Town which involve 16 SMI operators who still run enterprises in that area. Analysis indicates that entrepreneurs in the study area encounter problems in running their enterprises. Among the main problems are poor infrastructure facilities and utilities that must be addressed immediately. In addition, the quality of goods produced is not able to meet the customer demand, forcing the producers to bear the losses due the goods that have been issued but not successfully marketed. However, the concept of grouping SMI Park has succeed in increasing operator's salary although not overcome the problems that occurred in the SMI market, capital, equipment and so forth. Therefore, several proposals and development strategies are suggested for those who involved in the development of small and medium businesses in rural areas, to improve the socio-economic status of rural communities. In addition, there are also several other proposal; to improve infrastructure facilities and existing utilities, to further strengthen the KEDA's management, to introduce Market Promotion Scheme and SMEs Loan, and to provide worker's training to improve rural SMEs. The study is expected to help the parties especially those involved in creating the concept of grouping KEDA Industrial Small Medium Park so rural areas will become more attractive, as well as enhancing rural development.